

PELANCONGAN: NASIHAT DR. M BERHEMAH

MELAKA 10 OG. 1982 Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan supaya berhemah tinggi dan menjalankan kegiatan yang sihat demi menjaga imej dan negara ini.

Perdana Menteri berkata, mereka mestilah bekerjasama rapat dan memberi sumbangan positif ke arah menjamin industri tersebut di negara ini tidak terjejas.

"Bukan sahaja layanan dan perkhidmatan harus cekap dan bermutu, tetapi sikap mesra, jujur dan amanah serta tidak menakut-nakutkan para pelancong dengan kegiatan yang tidak diingini," tegasnya.

Beliau mengingatkan demikian ketika berucap merasmikan asas Muzium Sejarah Melaka di Bangunan State Huys di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian tentang beberapa buah kota besar yang dicap oleh para pelancong sebagai penuh penipuan, perkhidmatan kurang memuaskan, penduduknya tidak berbudi bahasa, banyak rasuah dan sebagainya.

"Kalau kita tidak mengawasinya, para pelancong luar negeri sesama sendiri akan mengingatkan rakan-rakan mereka supaya berjaga-jaga mengenai tindakan buruk ini dan akhirnya akan timbul rasa takut untuk datang ke Malaysia," katanya.

TINGGI

Sebagai contoh, kalau tambang teksi sepatutnya \$1, janganlah apabila nampak muka 'orang luar' tambangnya menjadi \$2, katanya.

"Sekali tertipu, seseorang yang mengalami tindakan yang buruk ini akan hilang kepercayaan kepada kita dan ini bukan saja menjejaskan industri pelancongan tetapi juga imej negara kita," tegas beliau.

"Apa yang kita harapkan ialah, gambaran yang baik dalam semua hal. Bukan kerana kita mahu dipuji tetapi menjaga imej yang betul mengenai kita sebagai masyarakat yang berhemah tinggi dan mempunyai nilai-nilai yang tinggi," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Beliau berharap, mereka memikirkan tentang kebaikan jangka panjang sebelum terperangkap dengan keuntungan semasa.

Perdana Menteri mengingatkan pada masa ini semua negara bersaing hebat untuk menarik para pelancong dan mereka mempunyai banyak pilihan selain dari melancong di negara ini.